

11 MAR 2000

Umno-Calon (Padang Terap)

PADANG TERAP CALON NAJIB, MUHYIDDIN DAN MUHAMMAD BAGI NAIB PRESIDEN

KUALA NERANG, 11 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Padang Terap mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yasin serta Tan Sri Muhammad Muhamad Taib bagi jawatan naib presiden.

Bahagian itu sebulat suara memilih Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan presiden dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden bagi pemilihan parti Mei ini.

Seramai 318 perwakilan bahagian itu juga sebulat suara menerima cadangan jawatankuasa bahagian yang mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah bagi jawatan pengerusi tetap, timbalan ketua bahagian Pokok Sena Wan Hanafiah Wan Mat Saman sebagai timbalan serta 25 nama lagi bagi jawatan Majlis Tertinggi.

Bagaimanapun, senarai calon naib presiden yang dicadangkan jawatankuasa bahagian dan dibacakan ketua penerangan Bahagian Fisol Abdul Aziz pada awalnya tidak dipersetujui oleh perwakilan. Jawatankuasa itu mencalonkan Datuk Abdul Ghani Osman, Najib serta Muhammad.

Beberapa perwakilan bangun untuk mencadangkan beberapa nama. Nama yang lain adalah Datuk Seri Abu Hasan Omar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Tan Sri Isa Samad.

Selepas undian secara angkat tangan dilakukan, Najib mendapat 131 undi, Muhyiddin 109 undi dan Muhammad 68 undi.

Usaha Abdul Wahab Hashim, ketua cawangan Kampung Pulau Pai Selatan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan timbalan presiden ditolak para perwakilan.

Pengerusi Tetap Abdul Malik Hasan menolak cadangan itu selepas beliau bertanya sebanyak tiga kali kepada perwakilan sama ada mahu menyokong cadangan itu. Tidak ada wakil yang bangun.

Persidangan perwakilan bahagian itu yang dijalankan di dewan Kolej Mara, di sini, dirasmikan Ketuanya Datuk Dr Affifuddin Omar.

Bagi 25 calon kerusi MT, bahagian itu mencalon enam orang daripada Kedah. Mereka adalah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Dr Affifuddin Omar, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Maznah Hamid dan Tan Sri Osman Aroff.

Lain-lain calon adalah:-

- * Abdul Azim Mohamed Zabidi
- * Datuk Wira Mohamed Ali Rustam
- * Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz
- * Datuk Dr Ibrahim Saad
- * Datuk Dr Nungsari Ahmad Radzi
- * Datuk Hassan Ariffin
- * Datuk Shafie Apdal
- * Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali
- * Datuk Seri Shahidan Kassim
- * Datuk Shahrir Abdul Samad
- * Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh
- * Datuk Dr Suleiman Mohamed
- * Datuk Fauzi Abdul Rahman
- * Datuk Dr Kamal Salleh
- * Datuk Hashim Safin
- * Datuk Dr Kamal Husin
- * Datuk Abu Zahar Ujang

* Datuk Abdul Ghani Osman
* Datuk Seri Syed Hamid Albar
-- BERNAMA
MZM RON